

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membangunkan terminal bas dan hab pengangkutan awam sentral di Keningau bagi menampung segala pengangkutan awam di satu tempat yang bersesuaian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum dan turut mengambil berat terhadap pembangunan pengangkutan awam di Sabah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kuasa pembangunan infrastruktur pengangkutan awam di Negeri Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

2. Namun demikian, Kementerian ini bersedia untuk membantu dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam di Sabah melalui inisiatif kerjasama awam swasta. Inisiatif ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, membantu mencapai matlamat dasar ekonomi negara serta memastikan kejayaan konsep Malaysia *Incorporated*.
Sekian, terima kasih.